

Penduduk di Kelantan, Terengganu dan Pahang mula dipindah mulai semalam

Banjir semakin merebak

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Keadaan banjir di Pantai Timur semakin teruk apabila jumlah mangsa banjir di Terengganu bertambah manakala penduduk di Kelantan dan Pahang mula berpindah semalam.

Sehingga pukul 9 malam tadi, dilaporkan sebanyak 2,921 orang dipindahkan di ketiga-tiga negeri tersebut.

Di **Terengganu**, hujan yang berterusan menyebabkan banyak 1,301 orang daripada 361 keluarga di tujuh daerah dipindahkan ke 18 pusat pemindahan sehingga pukul 11 malam tadi.

Jumlah tersebut bertambah berbanding 144 orang daripada 26 keluarga yang dipindahkan di Dungun kelmarin.

Kenyataan Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Terengganu dalam laman web *etin-dakan.terengganu.gov.my* menyebut Setiu mencatatkan jumlah paling tinggi dengan 461 mangsa daripada 128 keluarga dipindahkan ke lima pusat pemindahan.

Jumlah itu diikuti Dungun dengan 317 mangsa daripada 80 keluarga dan Marang



MANGSA banjir dibawa menaiki bot untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara di Kampung Buluh, Setiu semalam.

dengan 171 mangsa daripada 41 keluarga.

Di Besut, seramai 101 mangsa daripada 26 keluarga turut berpindah ke dua pusat pemindahan diikuti sebanyak 91 mangsa daripada 25 keluarga di daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu melibatkan seramai 154 mangsa daripada 61 keluarga dan di Kemaman dengan enam mangsa daripada dua keluarga.

Banjir di **Kelantan** pula semakin buruk dengan jumlah mangsa meningkat kepada

701 orang pada sebelah petang berbanding hanya 18 orang pada sebelah pagi.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, jumlah itu membabitkan mangsa di empat jajahan iaitu Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas selain Pasir Puteh yang mangsa berpindah sejak tengah malam kelmarin.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kelantan, Roslee Mamat berkata, Sungai Golok di Jenob kini melepasi paras bahaya iaitu 24.64 meter (paras ba-

haya 23.50 meter) dan di Rantau Panjang air kini pada tahap 9.25 meter (paras bahaya 9 meter), manakala sungai utama lain berada pada paras amaran.

Beliau berkata, keadaan tengkujuh di Kelantan kini di peringkat jingga dan keadaan itu dijangka berterusan sehingga lusa.

Sementara itu kira-kira 2,000 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota di sini tidak dapat meneruskan aktiviti harian ekoran kawasan kampus dinaiki air kira-kira satu meter.

Pegawai Perhubungan Awam UMK, Mohamad Naim Idris berkata, kedudukan kampus yang terletak di kawasan rendah menyebabkan ia mudah dilanda banjir setiap kali hujan lebat.

Sementara itu di **Pahang**, 915 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan akibat banjir melibatkan tiga daerah iaitu Kuantan, Pekan dan Rompin.

Jurucakap Pusat Kawalan Operasi Bencana di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, seramai 756 mangsa dipindahkan di Kuantan, Pekan (102) dan Rompin (57).

Di Kuantan ia membabitkan Kampung Galing, Galing Besar, Taman Sri Kuantan, Kampung Chenderawasih dan Kampung Teluk Baru, manakala Kampung Sungai Miang di Pekan dan Kampung Perpat di Rompin.